

28 JUN 1999

Ling-Calon

LEBIH 90 PERATUS CALON MCA DIKEKALKAN

TAIPING, 28 Jun (Bernama) -- MCA akan mengekalkan sekurang-kurangnya 90 peratus anggota Parlimen dan anggota Dewan Undangan Negeri parti itu dalam senarai calon untuk pilihan raya umum akan datang, kata presidennya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Hasil rondaan saya ke seluruh negara, didapati lebih 90 peratus wakil-wakil rakyat MCA mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dan ini amat membanggakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung ke-34 Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia di sini.

Katanya baki 10 peratus yang mungkin tidak dicalonkan terdiri daripada mereka yang ingin mengundurkan diri dengan sukarela dan akan digantikan dengan muka baru yang berpotensi besar.

Bagaimanapun beliau berkata senarai lengkap calon akan dikemukakan kepada Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah beliau dan semua pemimpin negeri serta bahagian bersetuju dengan senarai itu.

"Ini merupakan cara kita iaitu berbincang terlebih dahulu sebelum membuat keputusan muktamad," katanya.

Mengenai tawaran kerajaan negeri China untuk terlibat dengan pembinaan landasan berkembar dan penyediaan keretapi elektrik di negara ini, Dr Ling berkata beliau tidak dapat membuat ulasan kerana belum melihat tawaran yang dikemukakan.

Semalam, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata kerajaan China melalui syarikat China Railway Construction melahirkan minat mereka untuk turut serta dalam projek yang melibatkan laluan Rawang-Ipoh itu dan sanggup menerima pembayaran melalui tukaran minyak sawit.

Menurut Dr Ling, perkara itu harus diteliti terlebih dahulu kerana terdapat beberapa tawaran yang diterima kerajaan setakat ini.

Terdahulu dalam ucapannya beliau berkata kerajaan menghargai kerjasama yang diberikan persatuan penjaja terutama dalam soal bantuan pendidikan.

Sebagai contoh, Kolej Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur dan cawangannya di beberapa negeri yang lain turut mendapat sumbangan daripada persatuan penjaja.

-- BERNAMA

HJ RON